

## Konsep Seni dalam Islam

H.A. HASJMY

### ABSTRAK

Makalah ini membahagikan keperluan hidup manusia kepada tiga kategori iaitu keperluan hidup jasmani, keperluan hidup rohani dan keperluan hidup sosial. Tumpuan perbincangan ialah kepada keperluan hidup rohani yang merangkumi keperluan kepada kedamaian, ketenteraman kepuasan dan hiburan termasuk keperluan kepada pelbagai jenis kesenian seperti seni sastera, seni muzik, seni tari, seni drama, seni lukisan, dan sebagainya. Kecuali jika ia digunakan untuk tujuan yang tidak baik iaitu jelas dilarang oleh Islam, kesenian hukumnya 'mubah' atau dibolehkan.

### ABSTRACT

*This article identifies basic human needs into three categories, that is physical needs, spiritual needs, and social needs. However, the discussion is mainly on the fulfilment of spiritual needs which include several aspects of culture like literature, singing, music, dancing, drama, art and others. Only if they are used not in accordance with Islamic injunctions, generally they are permissible by Islam.*

Ayat 55 Surah al-Nur maksud terjemahannya sebagai berikut:

Allah telah berjanji  
Akan mengangkat orang-orang beriman dan beramal salih  
Menjadi Khalifah di bumi  
Seperti halnya telah diangkat  
Orang-orang sebelum mereka  
Agama yang diredai Allah untuk mereka  
Akan dikukuh-kuatkan  
Ketakutan akan diganti dengan keamanan  
Dengan ketentuan:  
Mereka harus beribadat kepadaKu semata  
Tidak mempersekutukan Aku dengan apapun  
Orang-orang yang kafir setelah itu  
Mereka itulah orang-orang durjana

---

\* Makalah ini telah dibentangkan di Seminar Islam dan Kesenian di Institusi Pengajian Tinggi yang berlangsung di Universiti Malaya pada 5 – 8 November, 1990.

Ayat yang tersebut memberi petunjuk bahawa:

1. Manusia yang diangkat menjadi khalifah-penguasa bumi, iaitu manusia beriman dan beramal salih.
2. Mereka yang telah menjadi khalifah pengelola bumi, harus beribadat semata-mata kepada Allah, tidak boleh mempersekutukan-Nya dengan apapun.
3. Apabila persyaratan ini dipenuhinya, agama Islam yang diredai Allah untuk mereka, akan dikukuh-kuatkan, mengatasi "segala agama" yang lain.
4. Masyarakat manusia yang mereka bangun, akan menjadi masyarakat adil dan makmur, masyarakat rukun damai, masyarakat cinta-kasih, masyarakat beriman dan beramal salih; bebas dari ketakutan dan permusuhan, bebas dari kelaparan dan kesengsaraan, bebas dari kezaliman dan keangkaramurkaan.
5. Kalau kemudian, para khalifah yang telah diangkat itu kafir dan membangkang kepada Allah, mereka akan menjadi orang yang betul-betul durjana dan berhak mendapat azab sengsara di dunia dan akhirat.

Daripada kesimpulan ayat tersebut dapat dibuat pengertian bahawa khalifah yang diangkat Allah untuk mengelola bumi, haruslah membangun masyarakat adil dan makmur; masyarakat beriman dan beramal salih.

Sebagai khalifah Allah, manusia harus membangun masyarakat yang beriman dan beramal salih. Kemudian, manusia sebagai anggota masyarakat yang beriman dan beramal salih, mempunyai tiga keperluan hidup, iaitu:

1. Keperluan hidup rohani.
2. Keperluan hidup jasmani.
3. Keperluan hidup ijtimai'/sosial.

Apabila agama samawi yang datangnya dari Allah bertujuan mengatur dan membimbing manusia untuk mencapai kesejahteraan dan kebahagiaan, maka kebudayaan yang diciptakan manusia sendiri bertujuan untuk memenuhi segala macam keperluan hidup, iaitu keperluan hidup rohani, keperluan hidup jasmani dan keperluan hidup ijtimai'/sosial (A. Hasjmy 1990: 63 – 75).

Manusia berusaha dengan mempergunakan kekuatan akal, fikiran dan rasa, badan dan hati nurani untuk memenuhi segala macam keperluan hidupnya. Upaya mencapai keperluan hidup manusia itu, melahirkan bermacam cabang kebudayaan, seperti:

**Hidup Rohani** Manusia antara lain perlu kepada kedamaian, ketenteraman, kepuasan dan hiburan, hatta menjelmalah darinya bermacam cabang kesenian: seni sastera (kesusasteraan), seni suara/seni muzik, seni rupa

(lukisan, pahatan, sulaman dan sebagainya), seni tari dan seni drama (sandiwara, teater, dan sebagainya).

**Hidup Jasmani** Manusia berhajat kepada makanan, pakaian, perumahan dan kesihatan. Dari upaya mendapatkan keperluan hidup itu, manusia mencari, meneliti dan menemukan ilmu pengetahuan dan teknologi, yang menghasilkan gedung-gedung, kilang-kilang, alat-alat pengangkutan, alat-alat pertanian, ubat-ubat, makanan, pakaian dan sebagainya.

**Hidup Ijtima'i/sosial** Manusia berhajat kepada lembaga atau institusi kemasyarakatan/kenegaraan. Darinya menjelmalah berbagai organisasi, tatacara hidup, peraturan-perundangan, adat-istiadat, kanun dan hukum.

Upaya untuk mendapat keperluan hidup telah mendorong manusia untuk menciptakan bermacam cabang kebudayaan sejak zaman pra-sejarah sampai ke zaman teknologi canggih dewasa ini. Kebudayaan yang bertujuan memberi kedamaian, kerukunan, kesejahteraan, kesihatan, kepuasan dan kebahagiaan kepada manusia, adakalanya dapat membawa bencana, kemusnahan, kehancuran, permusuhan, pertengkaran, peperangan dan malapetaka yang mengerikan, kalau ia terlepas dari tuntutan agama Samawi.

#### KEPERLUAN HIDUP ROHANI

Sebagaimana manusia tidak mungkin memisahkan diri atau meninggalkan keperluan hidup jasmani dan keperluan hidup ijtima'i, maka manusia juga tidak dapat membebaskan perjalanan hidupnya dari keperluan hidup rohani.

Manusia yang senantiasa memeraskan otaknya untuk mencari dan meneliti, membahas dan membanding, menyusun dan mengelola masyarakat, memikirkan penyelesaian berbagai macam kemelut umat manusia, sangat memerlukan kepada hiburan yang dapat menenteramkan hati yang gelisah, menenangkan otak yang bekerja keras dan fikiran yang selalu bergolak oleh bermacam masalah yang rumit dan pelik. Keperluan ini dinamakan keperluan hidup rohani.

Hasil dari keperluan hidup manusia, dinamakan kesenian, *fann* atau *funun* dalam bahasa Arab. Kesenian sebagai hasil keperluan hidup rohani manusia adalah bermacam ragam:

1. *Seni bahasa/kesusasteraan* Seni bahasa terdiri dari sajak/puisi, pantun, syair, gurindam, ruba'i, masnawi, dan novel/roman (roman sejarah, roman fiksi, roman filsafat, roman agama dll). Tegasnya, seni bahasa terdiri dari prosa dan puisi.
2. *Seni suara/muzik* Wujud dalam bentuk lagu, kasidah, berzanji, rebana dan sebagainya.
3. *Seni rupa* Terdiri dari lukisan pahatan, ukiran, sulaman dan sebagainya.

4. *Seni Tari* Terdiri dari tari perseorangan dan tari kelompok.
5. *Seni Drama* Seni pertunjukan atau seni panggung, seumpama sandiwara, wayang gambar, teater, dan sebagainya.

Penjelmaan atau manifestasi dari keperluan hidup rohani manusia yang dinamakan kesenian, ada yang bersesuaian dengan Islam dan ada pula yang berlawanan dengan ajaran Islam, Yang bersesuaian dengan Islam ialah kesenian yang merupakan pancaran iman dan amal salih dari seorang Muslim, dan dapat disebut *Kesenian yang beriman dan beramal salih*.

Dalam hal ini, ada tuntutan dari Allah, yang dengan tegas membahagi seniman/sasterawan ke dalam dua kelompok, iaitu kelompok sasterawan/seniman yang beriman dan beramal salih dan kelompok seniman/sasterawan musyrik/kafir yang durjana, seperti yang kita baca dalam al-Qur'an al-Karim, Surah al-Syi'ara ayat-ayat 224 – 227, yang terjemahan maksudnya sebagai berikut:

Para sasterawan/seniman  
 Pengikut mereka bandit petualang  
 Berdiwana dari lembah ke lembah  
 Bicara tanpa kerja  
 Kecuali sasterawan/seniman beriman  
 Yang beramal salih/amal bakti  
 Senantiasa ingatkan Ilahi  
 Mereka mendapat kemenangan  
 Setelah hidup dalam ancaman

Mengenai masalah dua kelompok seniman/sasterawan, dalam buku *Apa Tugas Sastrawan Sebagai Khalifah Allah*, A. Hasjmy (1984: 9 – 32) menyatakan:

Kesenian, termasuk karya sastra menggambarkan keadaan masyarakat, bahkan yang terutama melukiskan jiwa dan peribadi seniman/sasterawan pencipta karya seni itu sendiri. Dengan membaca karya seni seseorang seniman/sasterawan yang menciptanya, kita akan mudah mengenal siapa seniman/sasterawan tersebut. Apakah dia seniman/sasterawan beriman dan beramal salih atau seniman/sasterawan durjana yang mengembangkan ajaran-ajaran Allah?

Adapun ciri-ciri karya seni yang diciptakan seniman/sasterawan durjana, baik yang terang-terangan membangkang Allah, maupun yang lahirnya beriman dan beramal salih, sedangkan hati dan pekerjaannya melawan Allah dan melawan kebenaran (istilah Islam seniman/sasterawan golongan ini ialah seniman/sasterawan munafik), antara lain:

1. Karya seni tersebut mendorong pembaca/pendengarnya untuk melakukan kejahatan dan kemungkaran, minum arak, judi, zina, merompak dan sebagainya.

2. Karya seni tersebut berkecenderungan anti agama dan anti Tuhan, kerana tokoh-tokoh utama di dalamnya terdiri dari orang-orang yang menganut ajaran atheisme, baik kominisme maupun sosialisme ekstrim. Tokoh-tokoh utama tersebut sengaja dikesankan sebagai orang benar dan baik.

3. Karya seni tersebut menghalalkan yang haram dan mengharamkan yang halal, kerana tokoh-tokoh utama di dalamnya dibiarkan berzina, minum arak, main judi dan sebagainya. Sementara itu, mereka mengajak orang yang beribadat tetapi mereka sendiri tidak beribadat, seakan-akan ibadat itu haram. Seniman/sasterawan penciptanya sengaja mengesankan kepada para pembaca dan pendengarnya, bahawa tokoh-tokoh utamanya itu adalah orang baik-baik.

4. Karya seni tersebut mendorong lahirnya masyarakat durjana, dengan menampilkan lingkungan hidup yang jahat, di mana orang-orangnya bergelumbang dosa, dan pengarang/penciptanya tidak berusaha dalam karya seninya itu untuk mengesankan bahawa lingkungan hidupan demikian bertentangan dengan ajaran agama, bahkan sebaliknya ia memuja-muja tokoh-tokoh utamanya sebagai pahlawan, pembela manusia melarat dan pahlawan kebebasan hidup perseorangan.

5. Karya seni tersebut memberi hak kepada seorang isteri atau kepada seorang suami untuk berzina dengan laki-laki lain atau perempuan yang tidak dinikahinya untuk hidup sebagai suami-isteri. Orang yang demikian dilukiskan sebagai penegak kebenaran, kerana berani melawan hukum yang membatasi kebebasan haiwannya.

Para seniman/sasterawan seperti yang dijelaskan di atas menganut ajaran seni untuk seni atau sastera untuk sastera dan kerananya, seni tidak boleh mengandungi kecenderungan apa-apa. Ajaran yang mereka anut pada hakikatnya bohong, karya-karya seni/sastera mereka pada hakikatnya mengandungi sesuatu tujuan atau kecenderungan, iaitu pemberontakan terhadap kebenaran, perlawanan terhadap Allah dan mendorong lahirnya masyarakat durjana. Ini adalah salah satu ciri kemunafikan mereka.

Adapun karya seni/karya sastera yang diciptakan seniman/sasterawan beriman dan beramal salih, baik yang sempurna maupun yang kurang sempurna, antara lain iaitu:

1. Karya seni tersebut mendorong pembaca/pendengarnya untuk melakukan *amal makruf* dan *nahi mungkar*.

2. Karya seni tersebut bertujuan (berkecenderungan) menegakkan ajaran Allah, kerana tokoh-tokoh utama di dalamnya terdiri dari orang-orang yang beriman dan beramal salih. Di samping tokoh-tokoh lain yang jahat sebagai lawan dari tokoh-tokoh utamanya, dan tokoh-tokoh lain itu dikesankan sebagai orang durjana dan sampah masyarakat.

3. Karya Seni tersebut berkecenderungan membenarkan yang benar dan menyalahkan yang salah, menghalalkan yang halal dan mengharamkan yang haram, kerana tokoh-tokoh utama di dalamnya digambarkan sebagai seorang yang salih, yang keimanan dan takwanya tangguh; selalu melaksanakan solat, membayar zakat, membantu orang-orang melarat, tidak pernah menipu dan tidak pernah berbuat mungkar dalam bentuk apapun.

4. Karya seni tersebut mendorong lahirnya masyarakat adil dan makmur, dengan tokoh-tokoh utama digambar sebagai pahlawan kemanusiaan, pahlawan kebenaran, pahlawan demokrasi dan pahlawan keimanan yang takwa.

5. Karya seni tersebut melukiskan adanya sebuah masyarakat Islam, di mana kebenaran *al-Haqq* menjadi rajanya; tidak ada ruang hidup bagi orang-orang jahat. Dalam masyarakat Islam yang dibina dalam karya seninya itu, tidak ada orang berkuasa menindas orang lemah, tidak ada orang yang memerintah memperkosa hak orang-orang yang diperintah, tidak ada orang kaya meneras dan menghisap darah orang-orang miskin dan tidak ada orang pandai menipu orang bodoh.

Para seniman/sasterawan seperti yang dilukiskan di atas, mereka menganut ajaran bahawa seni dalam segala jenisnya dari Allah, untuk Allah dan kerana Allah, seperti yang diajarkan Allah dalam al-Qur'an al-Karim *Surah al-An'am* ayat 161 – 164, yang terjemahan maksudnya sebagai berikut:

Katakan hai Muhammad:

Sungguh, Tuhanku membimbing aku ke Jalan Lurus

Agama yang benar, agama Ibrahim yang suci

Dan Ibrahim bukanlah musyrik

Katakan hai Muhammad:

Sungguh solat dan ibadatku

Hidup dan matiku, untuk Allah, Tuhan semesta alam

Tidak ada sekutu baginya

Demikian aku diperintahkan

Dan aku Muslim pertama

Katakan hai Muhammad:

Adakah aku akan mencari

Tuhan selain dari Allah

Sedangkan Dia Tuhan segala-galanya

Tidaklah seseorang berbuat kesalahan

Melainkan kesalahan itu menimpa dirinya

Seseorang yang berbuat dosa

Tidak ikut memikul dosa orang lain

Kemudian, anda akan kembali

Nanti akan diceritakan

Masalah yang anda pertengkarkan

Syekh Thanthawi Jauhari (1350H) dalam *Tafsir Al-Jawahir*, telah menafsirkan Surah al-Syu'ara ayat 224 – 227. Beliau telah membuat kesimpulan bahawa:

Para sasterawan, para ahli tenung dan para tukang sihir, dalam beberapa hal ada persamaan antara mereka. Sasterawan/seniman merangkai kata-kata dan dengan sangat bangga dia menyatakan, bahawa karya sastera yang paling dusta adalah karya sastera yang paling indah.

Semakin jauh dia tenggelam dalam dunia khayal dan kemudian menampilkan lukisan-lukisan yang mengghairahkan pendengaran hatta hatinya terpicat, pendengarnya menjadi asyik dan matanya berkunang-kunang, maka sasterawan tersebut dipandang sebagai sasterawan agung. Semakin pandai mereka berdusta dan semakin jauh khayalannya, maka semakin tinggi martabatnya sebagai sasterawan.

Kerana itu, Allah mencela mereka, dengan menegaskan bahawa pengikut para sasterawan adalah petualang yang mengembara dari lembah kedustaan ke lembah penipuan. Orang-orang safih itu, menjadi pengikut para sasterawan/seniman dalam hal kedustaan dan kesalahannya; dalam merobek-robek kehormatan dan dalam memuji orang yang tidak patut dipuji.

Orang-orang safih yang menjadi pengikut para sasterawan jahiliyah, memandang baik semua prilaku jahat, sementara para sasterawan pengikut Muhammad bukan demikian. Allah menegaskan hal ini dengan firmanNya: Adakah engkau perhatikan, bahawa mereka berdiwana dari lembah ke lembah khayalan. Pendiwaan mereka tidak tentu arah dan juga tidak tentu tujuan, kerana sebahagian besar karya sastera mereka adalah 'khayal' yang tidak bermakna dan jauh dari hakikat. Kebanyakan kalimat mereka bersifat merayu wanita, mencaci-maki merobek-robek kehormatan, mengobrolkan janji dusta, seperti yang ditegaskan Allah, bahawa mereka berkata apa yang tidak mereka kerjakan, sedangkan al-Qur'an al-Karim bukan demikian ....

Karya sastera adalah cahaya dari Allah, seperti halnya segala keindahan dan kesenian. Sesungguhnya karya sastera, keindahan, hikmat dan segala jenis karya seni, kalau diciptakan untuk kepentingan umum adalah baik, dan kalau diciptakan untuk diri sendiri tanpa ada tujuan yang jelas adalah jahat (seperti para seniman yang menagut filsafat seni untuk seni).

Kerana itu, Allah mengecualikan para seniman/sasterawan Muslim yang salih, seperti penegasannya: Kecuali para sasterawan yang beriman dan beramal salih, senantiasa mengingat Allah dan mereka mendapat kemenangan, setelah pada awalnya mereka ditindas. Mereka menjadikan karya sastera sebagai ubat yang dapat menyembuhkan penyakit, ertinya bahawa mereka tidak menjadikan karya sastera sebagai barang diperdagangkan ...

Dari tulisan Syekh Thanthawi Jauhari jelas kita memahami, bahawa seniman/sasterawan ada dua kelompok:

1) Sasterawan kafir dan munafik, 2) Sasterawan beriman dan beramal salih. Umat Islam sangat memerlukan lahirnya sejumlah seniman/sasterawan beriman dan beramal salih, yang mempergunakan karya sastera dan karya seni mereka untuk menegakkan kebenaran agama Allah dan untuk menangkis serangan pada seniman/sasterawan kafir dan munafik terhadap Islam dan umatnya.

Pada awal sejarah Islam di Nusantara, telah muncul sejumlah sasterawan/seniman, yang dengan karya seni/karya sasteranya berjuang mengembangkan Islam di Nusantara. Mereka pergunakan berbagai jenis karya seni (seperti seni bahasa, seni rupa, seni tari, seni drama) menjadi media dakwah Islamiyah. Terjadilah Islamisasi terhadap sejumlah karya seni Nusantara yang diciptakan sebelum era Islam.

Para wali di Jawa mengislamkan wayang kulit, ketoprak, kuda kepong dan sebagainya, untuk menjadi media dakwah Islamiyah, yang kemudian ternyata berhasil baik.

Para ulama di Aceh mengislamkan tari seudati, tari phoo, tari bunes, tari didong, dan kadang-kadang namapun dirobah, diIslamkan; dari seudati menjadi tari saman, tai phoo menjadi tari seulaeweut. Dengan mempergunakan tari-tari rakyat ini (tentunya setelah Islamisasi) maka dakwah Islamiyah di Aceh maju sekali, hatta Aceh bergelar Serambi Mekah.

#### PANDANGAN ISLAM TERHADAP KESENIAN

Kesenian berfungsi sebagai, 1) menghibur, 2) menenangkan jiwa yang gelisah, 3) mengubati penyakit-penyakit tertentu, 4) mendinginkan otak yang panas kerana berfikir, 5) mendorong untuk menggali rahsia-rahsia alam, 6) mengajak memikirkan ayat-ayat Allah dan sebagainya; menurut Islam hukumnya mubah. Yang mubah ini, biasa berubah menjadi Sunnat, sunnat muakkad, wajib. Sebaliknya, mubah itu bisa berubah menjadi makruh dan haram. Hal itu semua, disebabkan sifat-sifat yang melengket pada kesenian itu sendiri.

Seperti halnya cabang-cabang kebudayaan yang dihasilkan untuk keperluan hidup jasmani dan keperluan hidup ijtima'i, yang pada awalnya adalah mubah, maka demikian pula kesenian yang dihasilkan untuk keperluan hidup rohani.

Mubahnya dapat berubah menjadi sunnat dan sunnat muakkad, bahkan menjadi wajib; demikian pula dapat berubah menjadi makruh atau haram, apabila terdapat sebab-sebab luar yang datang kemudian.

Makanan yang menjadi keperluan hidup jasmani, yang pada awalnya mubah, dapat berubah menjadi haram apabila makanan tersebut bercampur dengan barang yang diharamkan Islam.

Organisasi dan lembaga kemasyarakatan/kenegaraan yang merupakan keperluan hidup ijtima'i/sosial, yang pada awalnya mubah dapat berubah menjadi haram, apabila organisasi dan lembaga tersebut dipergunakan untuk tujuan kejahatan.

Kesenian dengan segala cabangnya (seni bahasa, seni rupa, seni tari, seni suara/muzik) yang merupakan keperluan hidup rohani manusia, pada awalnya hukumnya mubah dapat menjadi:

1. *Haram*, apabila dalam kesenian itu terdapat unsur-unsur yang menurut hukum Islam haram,
2. *Makruh*, apabila kesenian tersebut berbaur dengan unsur-unsur yang menurut hukum Islam syubhat.
3. *Sunnat*, apabila dengan pelaksanaan atau pergelaran jenis seni tersebut dapat menyenangkan orang, dapat membuat orang susah menjadi gembira.
4. *Wajib*, apabila yang sakit (sakit saraf, umpamanya) akan segera sembuh, apabila kepadanya dipertunjukkan tari-tarian tertentu, atau diperdengarkan lagu-lagu tertentu, atau diperlihatkan terus menerus lukisan-lukisan yang indah, atau dibacakan untuknya puisi-puisi sufi umpamanya.

Masalah kesenian demikian penting, kerana ada yang mengatakan haram dan ada pula yang mengatakan mubah, kerana itu dalam tahun 1392 H (1972 M) Majelis Ulama Indonesia Daerah Istimewa Aceh telah membentuk Panitia Khusus, untuk mempelajari, membahas, meneliti dan mengadakan diskusi tentang masalah kesenian dilihat dari pandangan Hukum Islam.

Setelah lama Panitia Khusus tersebut bekerja dengan sungguh-sungguh, maka diambil satu kesimpulan yang menyatakan bahawa kesenian adalah mubah dari pandangan hukum Islam.

Hasil kerja Panitia Khusus tersebut, kemudian dibukukan dengan judul *Bagaimana Islam Memandang Kesenian*. Di dalamnya dimuat juga pendapat ulama yang menyatakan bahawa kesenian haram menurut hukum Islam, di samping alasan-alasan atau dalil para ulama yang memfatwakan bahawa kesenian adalah mubah.

Adapun kesimpulan yang dibuat oleh Panitia Khusus Majelis Ulama Indonesia Daerah Istimewa Aceh (1972), tentang hasil kerjanya iaitu:

Berdasarkan penjelasan-penjelasan sejak awal risalah ini sampai kepada maksud-maksud hadis-hadis terakhir, maka dapatlah disimpulkan demikian:

1. Fungsi kesenian adalah untuk kesenangan.
2. Kesenian pada dasarnya adalah mubah (dibolehkan dalam agama) hukumnya, kecuali kesenian-kesenian yang merosakkan.
3. Tarian-tarian, nyanyian-nyanyian dan bunyi-bunyian adalah sebahagian dari kesenian, mubah hukumnya, baik bersifat regional atau nasional, dan boleh dipersaksikan, kecuali yang merosakkan.
4. Pria dan wanita dalam hal ini sama, dapat memanfaatkan kesenian.
5. Pada waktu-waktu tertentu: hariraya, akad nikah, khatan, menyambut orang-orang penting dan sebagainya, maka hukum mubah meningkat kepada mustahab (digemari).
6. Wallah A'lam.

## KESIMPULAN

Kesimpulan dari rencana ini ialah:

1. Kebudayaan, termasuk kesenian, adalah hasil keperluan hidup manusia, baik keperluan hidup jasmani, keperluan rohani mahupun keperluan hidup ijtima'i.
2. Manusia tidak dapat menyingkirkan kehendak Hidupnya, kerana ia adalah satu keperluan.
3. Keperluan hidup rohani tidak kurang pentingnya dari dua keperluan hidup yang lain. Keperluan hidup rohani yang menjelmakan dirinya dalam bentuk kesenian, selalu bersama manusia sejak abad pra sejarah sampai ke abad moden sekarang ini.
4. Dalam al-Quran al-Karim ditegaskan, bahawa seniman/sasterawan ada dua kelompok:
  - a. Seniman/sasterawan yang beriman dan beramal salih
  - b. Seniman/sasterawan durjana yang munafik dan kafir
5. Pada zaman Nabi Muhammad s.a.w. terdapat seniman/sasterawan musyrik/kafir yang selalu menyerang Nabi dengan karya seninya, dan juga dikelilingi Nabi berdiri tangguh sejumlah seniman/sasterawan yang membela Nabi, seperti Hassan bin Sabit, Ka'ab bin Malik dan Abdullah bin Rawahah.
6. Pada awal sejarah Islam di Nusantara, para wali dan para ulama melakukan gerakan Islamisasi dalam segala bidang kehidupan, termasuk dalam bidang kehidupan seni. Setelah cabang-cabang kesenian dibersihkan dari unsur-unsur yang bertentangan dengan akidah dan ibadah Islam, maka kesenian itu dipergunakan menjadi media Dakwah Islamiyah, dan berhasil dengan baik. Mereka tidak pernah menyerang kesenian yang di dalamnya terdapat unsur-unsur syirik dan khurafat, tetapi mereka Islamkan kesenian itu untuk kepentingan pengembangan dan penyebaran ajaran Islam.
7. Kesenian menurut hukum Islam mubah, dan dengan sebab masuknya unsur-unsur luar, mubahnya dapat berubah menjadi sunnat, wajib, makruh, dan haram.
8. Adapun seni yang bersesuaian dengan Islam adalah seni yang terpancar dari keimanan dan amal salih seorang Muslim sejati, atau dengan kalimat lain *Seni hasil penciptaan seniman/sasterawan Islam yang beriman dan beramal salih.*

## RUJUKAN

- A. Hasjmy. 1970. *Sejarah Pemikiran Umat Islam dan Pengembangan Hukum Islam*. Banda Aceh: Majelis Ulama Indonesia Propinsi Daerah Istimewa Aceh.
- \_\_\_\_\_. 1975. *Sejarah Kebudayaan Islam*. Jakarta: Bulan Bintang.
- \_\_\_\_\_. 1981. *Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Indonesia*, Bandung Al Maarif.

- \_\_\_\_\_. 1983. *Kebudayaan Aceh dalam Sejarah*. Jakarta: Beuna.
- \_\_\_\_\_. *Apa Tugas Sasterawan sebagai Khalifah Allah*. Surabaya: P.T. Bina Ilmu.
- \_\_\_\_\_. 1985. *Semangat Merdeka*. Jakarta: Bulan Bintang.
- \_\_\_\_\_. 1990. *Sejarah Kebudayaan Islam di Indonesia*. Jakarta: Bulan Bintang.
- Ahmad Amin. 1943. *Qishah al Adaab Fil Alam* (tiga jilid). Kairo: Mathba'ah Lajnah Al Taklif.
- Ahmad Rifa'i. 1928. *Ashar Al Makmun* (3 jilid). Kairo: Daar Al Hilal.
- Al Ishfahany. Tanpa tarikh. *Kitab Al Aghani* (15 jilid). Kairo: Wizarah Al Saqafah.
- Al Nuwairy. Tanpa tarikh. *Nihayah al Irb Fi Funnun al Adaab* (18 jilid). Kairo: Wizarah Al Saqafah.
- Dada Meraksa. 1974. *Sejarah Kebudayaan Sumatra*. Medan: Firma Hasmar.
- Ibrahim Hasan Ibrahim. 1949. *Tarikh al Islam al Siyasy al Saqafi* (tiga jilid). Kairo: Maktabah al Nahdhah al Misriyah.
- Ismail Hussein. 1986. *Sastera dan Agama*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- James Siegel. 1979. *Shadow and Sound*. Chicago: The University of Chicago Press.
- Jarji Zaidin. 1957. *Tarikh Adaab al Lughsh al Arabiya* (4 jilid). Kairo: Daar Al Hilal.
- \_\_\_\_\_. 1957. *Tarikh al Tamadu al Islami* (5 jilid). Kairo: Daar Al Hilal.
- Lutfi Abdul Hadi. 1968. *Al Fann al Islamy* (terjemahan dari bahasa Sepanyol). Kairo: Daar al Kitab al Araby.
- Majlis Ulama Indonesia Daerah Istimewa Aceh. 1972. *Panitia Khusus Majelis Ulama Indonesia Aceh: Bagaimana Islam memandang kesenian*.
- M. Husin. 1970. *Adat Aceh*. Banda Aceh: Dinas Pendidikan dan Kebudayaan Daerah Istimewa Aceh.
- N.A. Balokh. 1980. *Advent of Islam in Indonesia*. Lahore: Fifteenth Century, Hijra Publication.
- Saiyed Qutub. *Tafsir Fi Dhilaal al-Quran* (10 jilid). Kairo: Isa Al Baby al Halaby.
- Sidi Ghazalba. 1962. *Masjid Pusat Ibadat dan Kebudayaan Islam*. Jakarta: Pustaka Antara.
- Syekh Ismail. *Tajul Mulk*. Kairo: Isa al Baby al Halaby.
- \_\_\_\_\_. *Jam'u Jawami'il Mushannafat*. Kairo: Isa al Halaby.
- Syekh Thanthawi Jauhari 1350 H. *Tafsir Al Jawahir* (13 jilid). Kairo: Mustafa al Baby al Halaby.

Ketua Umum  
Majelis Ulama Indonesia  
Daerah Istimewa Aceh  
Indonesia